

# PERTANDINGAN REKABENTUK FROM WASTE TO WEALTH INNOVATION



## Pengenalan

Pertandingan Rekabentuk "From Waste To Wealth Innovation" merupakan satu program anjuran **Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM)** dengan sokongan **Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)**, agensi di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Pertandingan ini adalah bertujuan untuk memupuk kesedaran kepada komuniti dan industri bahawa penjagaan alam sekitar terutamanya dalam pengurusan sisa pepejal adalah tanggungjawab bersama. Budaya inovasi dan kreativiti perlu ditingkatkan dalam kalangan komuniti bukan sahaja usaha dalam meminimumkan pelupusan sisa pepejal ke tapak pelupusan tetapi dapat memberi manfaat dan menjadi punca pendapatan sampingan.

## Objektif

- Memberi kesedaran kepada komuniti dan industri akan keperluan penjagaan alam sekitar khususnya daripada pencemaran yang disebabkan oleh pepejal yang tidak diurus dengan baik.
- Memupuk kesedaran kepada pengguna, bahan terbuang boleh ditingkatkan nilai guna dan diberi nilai tambah dengan olahan menjadi produk pengguna yang boleh menjana pendapatan.
- Memupuk budaya inovasi dan kreativiti dalam kalangan komuniti dan industri untuk menghasilkan produk yang inovatif berasaskan bahan terbuang.

## Kategori Pertandingan

### 1. KATEGORI KOMUNITI

- Terbuka kepada semua warganegara Malaysia.
- Penyertaan adalah secara individu atau berkumpulan dengan bilangan ahli tidak melebihi tiga orang.
- Tiada had umur peserta.

### 2. KATEGORI PROFESIONAL

- Kategori profesional adalah terbuka kepada semua individu dan pereka di Malaysia tanpa mengira kelayakan dan latar belakang pendidikan.
- Penyertaan adalah terbuka kepada penyertaan individu atau berkumpulan dengan bilangan ahli tidak melebihi tiga orang.
- Tiada had umur peserta.

## Kriteria Produk Yang Dipertandingkan

- Menggunakan sekurang-kurangnya **70%** barangan terpakai, terbuang, sudah rosak atau boleh dikitar semula dan selebihnya terdiri daripada gabungan komponen standard yang sedia ada di pasaran.
- Mempunyai fungsi tertentu yang boleh diguna pakai didalam memudahkan kehidupan harian.

## Kriteria Penilaian

- Kecenderungan Inovasi - 25%**  
Kreativiti idea rekabentuk dalam menghasilkan rekabentuk dan kaedah baharu atau diperbaiki fungsinya yang memberi manfaat dalam penggunaan.
- Ciri-ciri "Circular Design" - 25%**  
Ciri-ciri "Circular Design" yang terdapat pada rekabentuk produk sama ada melibatkan pengguna atau persekitaran.
- Kecenderungan Fungsi - 15%**  
Kekuatan bagi memenuhi sasaran penggunaan, keperluan semasa dan penyelesaian masalah.

- Kualiti - 15%**  
Idea rekabentuk dapat menerangkan kebolehan pembuatan, rupabentuk, penggunaan bahan, teknologi dan kebolehpasaran.
- Ergonomik - 10 %**  
Mengimbangi interaksi penggunaan di antara pengguna dan persekitaran dengan produk secara fizikal atau psikologi (contoh: keselesaan, memudahkan penggunaan atau ciri-ciri keselamatan).
- Potensi pengkomersialan - 10%**  
Proses pengeluaran merupakan satu kriteria rekabentuk yang akan diberi penilaian bagi memastikan hasil ciptaan berpotensi untuk dikomersialkan.

## PROSEDUR PENYERAHAN

### PERINGKAT 1

#### 1. KATEGORI KOMUNITI

- Peserta perlu memuat naik 4 keping gambar/lakaran berwarna produk/rekaan (prototaip) dalam format PDF/JPEG didalam borang penyertaan.
- Gambar/lakaran perlu menunjukkan 4 sudut (Depan, sisi, belakang dan atas)
- Penerangan produk tidak lebih dari 100 patah perkataan mengenai bahan, fungsi dan pembuatan.

#### 2. KATEGORI PROFESIONAL

- Peserta perlu memuat naik
  - 1 x lukisan 3D (Depan, sisi, atas dan perspektif)
  - 1 x lukisan teknikal (ukuran dan bahan)
- Saiz lukisan : A3
- Format lukisan : PDF/JPEG
- Penerangan produk tidak lebih dari 100 patah perkataan mengenai bahan, fungsi dan pembuatan.

#### TARIKH AKHIR PENYERAHAN PERINGKAT 1

- Penyertaan mestilah dihantar sebelum **12.00 malam 30 November 2021**.

### PERINGKAT 2 (Finalis)

#### KATEGORI KOMUNITI & KATEGORI PROFESIONAL

- Semua peserta perlu menghantar model berskala/prototaip ke MRM.
- Semua kos melibatkan penghasilan prototaip, penghantaran atau pengambilan prototaip akan ditanggung oleh peserta.

#### TARIKH AKHIR PENYERAHAN PERINGKAT 2

- Penyertaan mestilah dihantar sebelum **12.00 malam 30 Disember 2021**.

#### PERLINDUNGAN PENYERTAAN

- Setiap peserta bertanggungjawab ke atas penghantaran dan pemulangan prototaip peserta.
- MRM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan prototaip.
- Segala hakcipta, paten dan perkara berkaitan penyertaan adalah hak milik peserta. Peserta boleh menuntut prototaip dalam jangka masa 30 hari selepas keputusan diumumkan. Sekiranya prototaip tidak dituntut dalam jangka masa yang diberikan, pihak MRM berhak untuk menghapuskan prototaip yang tidak dituntut.

## HADIAH

### KATEGORI KOMUNITI

#### HADIAH UTAMA

**RM3,000** | Trofi | sijil

HADIAH SAGUHATI

**RM500** | Sijil x 5 pemenang

### KATEGORI PROFESIONAL

#### HADIAH UTAMA

**RM5,000** | Trofi | sijil

HADIAH SAGUHATI

**RM700** | Sijil x 5 pemenang

Untuk syarat dan borang pertandingan, sila layari :

[www.mrm.gov.my](http://www.mrm.gov.my)

Sebarang pertanyaan, sila hubungi MRM di talian **0126506460 (Husaini)** **0182060469 (Faizal)**